

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERSARAAN WAJIB STAF UTeM
OGOS 2007

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS
PERKAMPUNGAN IKAN BAKAR TERAMPUNG,
UMBAI BARU, MELAKA**

PENGANTAR

BISMILLAH RABBI AL AALAMIN

TERIMA KASIH PADA YBHD. DR. MOHD HUSSIN
YBHD. DR. ABU BIN ABDULLAH

TEMPAT:

**PERKAMPUNGAN IKAN BAKAR TERAMPUNG,
UMBAI BARU, MELAKA**

TARIKH :

07 OGOS 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR – SEMPENA
MAJLIS PERSARAAN WAJIB STAF UTeM PADA 07
OGOS 2007, JAM 8.30 MALAM BERTEMPAT DI
PERKAMPUNGAN IKAN BAKAR TERAPUNG, UMBAI
BARU, MELAKA.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN &
INOVASI)

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

EN HASAN BIN SIRUN

PENDAFTAR

YANG DIRAIKAN, ENCIK TAN KIM SEE DAN ENCIK
OMAR BIN ARSHAD

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

*ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH DAN SALAM
SEJAHTERA*

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA MELAFAZKAN KESYUKURAN KE HADRAT ILLAHI DI ATAS LIMPAH DAN KURNIANYA YANG MEMBOLEHKAN KITA BERSAMA PADA MALAMINI. MAJLIS KERAIANINI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MENGHARGAI SUMBANGAN DAN PEKHIDMATAN YANG TELAH DIBERI OLEH ENCIK TAN KIM SEE DAN ENCIK OMAR BIN ARSHAD KEPADA UNIVERSITIINI DENGAN JAYANYA SEMPENA PERSARAAN MEREKA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

IZINKAN SAYA MEMBACAKAN SEDIKIT LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA TETAMU-TETAMU YANG DIRAIKAN PADA MALAMINI.

YANG BERBAHAGIA ENCIK TAN KIM SEE TELAH MENDAPAT DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (PERHUBUNGAN) DI INSTITUT TEKNOLOGI

KEBANGSAAN, KUALA LUMPUR PADA TAHUN 1974 SETERUSNYA MEMPEROLEHI SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DO BOLTON INSTITUTE OF HIGHER EDUCATION, UNITED KINGDOM PADA TAHUN 1986 DAN BERJAYA MEMPEROLEHI SARJANA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA PADA TAHUN 1991.

MEMULAKAN KERJAYA DI SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL, ALOR GAJAH, MELAKA SEBAGAI GURU TEKNIKAL PADA 02 MEI 1974 SEHINGGA 31 DISEMBER 1979. KEMUDIANNYA TELAH DILANTIK SEBAGAI PENOLONG PENDAFTAR SEKOLAH-SEKOLAH PADA 1 JANUARI 1980 DAN DINAIKKAN PANGKAT KE JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN PADA 01 JULAI 1981.

SETELAH MENAMATKAN PENGAJIAN DI UNITED KINGDOM, BELIAU TELAH DITEMPATKAN DI

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL, MUAR JOHOR SEBAGAI PENOLONG KANAN PADA 01 SEPTEMBER 1986.

BELIAU KEMBALI BERTUGAS DI MELAKA IAITU DI SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL BUKIT KATIL, MELAKA SEBAGAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN PADA 01 OGOS 1988 HINGGA 20 JULAI 1990 SEBELUM MENYAMBUNG PENGAJIANNYA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA. SELEPAS TAMAT PENGAJIAN, BELIAU TELAH DITEMPATKAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN SEBAGAI PENSYARAH PADA 14 DISEMBER 1991 HINGGA 31 OGOS 1996.

KEMUDIAN BELIAU DIPINJAMKAN KE INSTITUT TEKNOLOGI TUN HUSSIEN ONN SEBAGAI PENSYARAH DARI 01 SEPTEMBER 1996 HINGGA 30 SEPTEMBER 2001 DAN DITEMPATKAN SEMULA DI POLITEKNIK KOTA, MELAKA PADA 01 OKTOBER

2001. BELIAU BERTUKAR KE POLITEKNIK, MERLIMAU MELAKA DAN TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA JABATAN ELEKTRIK PADA 16 JULAI 2002.

BELIAU MULA BERKHIDMAT DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA PADA 27 DISEMBER 2005 SEBAGAI PENSYARAH KANAN (DS 51) DAN BERSARA PADA 14 JANUARI 2007 KERANA TELAH MENCAPAI UMUR 55 TAHUN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

YANG BERBAHAGIA ENCIK OMAR BIN ARSHAD PULA TELAH MENDAPAT PENDIDIKAN AWAL DI DUNEARN SECONDARY TECHNICAL SCHOOL SINGAPURA PADA 31 DISEMBER 1968.

BELIAU TELAH MEMULAKAN KERJAYA DENGAN PASUKAN REJIMEN ASKAR MELAYU, ANGKATAN TENTERA MALAYSIA PADA 27 OGOS 1972 DENGAN PANGKAT KOPERAL SEHINGGA 27 OGOS 1987 DAN TELAH DIANUGERAHKAN PINGAT PERKHIDMATAN AM DI ATAS SUMBANGAN DAN JASA BELIAU KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA.

SETELAH BERHENTI DARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA, BELIAU TELAH BERKHIDMAT SEBAGAI PENGAWAL KESELAMATAN DI BEBERAPA BUAH AGENSI SWASTA SEHINGGA DILANTIK BERKHIDMAT DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA PADA 03 MAC 2003 SEHINGGA BELIAU BERSARA WAJIB KERANA TELAH MENCAPAI UMUR 56 TAHUN PADA 19 FEBRUARI 2007. BELIAU KINI MASIH LAGI BERKHIDMAT DI UTeM SEBAGAI PENGAWAL KESELAMATAN DENGAN LANTIKAN SECARA KONTRAK SEHINGGA 02 MEI 2008.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

KERJASAMA ERAT SEMUA PIHAK DALAM MEMBANGUNKAN UTeM SANGAT PENTING BAGI MEMASTIKAN PERANCANGAN MENCAPAI SASARANNYA. KETELITIAN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DAN KOMITMEN DALAM PEKERJAAN DI KALANGAN WARGA UNIVERSITI SANGATLAH PENTING DI MANA KITA HARUS SEDAR BAHAWA DI ATAS BAHU KITA INI TERTANGGUNG SATU AMANAH YANG CUKUP BESAR YANG TELAH DILETAKKAN OLEH KERAJAAN. SEWAJARNYA KITA MELAKSANAKANNYA DENGAN IKHLAS, JUJUR DAN AMANAH.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

BAGI PIHAK PENGURUSAN DAN SELURUH WARGA UNIVERSITI, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN

PENGHARGAAN YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA
YANG ENCIK TAN KIM SEE DAN ENCIK OMAR BIN
ARSHAD, DI ATAS JASA YANG TELAH MEREKA
SUMBANGKAN KEPADA UTeM.

BAGI PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI KAMI JUGA
MENDOA DAN MENGHARAPKAN AGAR KEDUA-
DUANYA DIBERI KESIHATAN YANG BAIK UNTUK
TERUS LAGI MENYUMBANG TENAGA KEPADA
UNIVERSITI INI, DI MANA SEPERTI YANG
DIMAKLUMI BAHAWA KEDUA-DUA PEGAWAIINI
TELAH BERSETUJU MENYAMBUNG
PERKHIDMATAN MEREKA SECARA LANTIKAN
KONTRAK DI UTeM.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

*WABILLAHİ TAUFIQ WAL HIDAYAH
WASALAMUALAIKUM WARAH MATULLAHİ
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.*